



**TERIMA KASIH:** Harif (dua kanan) menyampaikan cendera kenangan kepada seorang pembentang kertas akademik, turut kelihatan ialah Raman (dua kiri) dan Masyhuri (kanan).

# UMS-Unand anjur Mini International Conference di Padang Indonesia

UB 11.11.2019 5  
Oleh Yap Siong Han

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersama Universitas Andalas (Unand) Indonesia berjaya mengadakan satu Mini International Conference 2019 di Padang Indonesia baru-baru ini.

Menurut satu kenyataan yang dikeluarkan UMS, persidangan berkenaan adalah sebahagian daripada aktiviti yang dipersetujui pada Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai di antara UMS dan Unand pada November 2015.

“Sebanyak lima kertas kerja akademik dibentangkan ketika persidangan itu oleh Dr. Lim Thien Sang (UMS), Fau-

zan Misra (Unand), Zuraidah Jamrin (UMS), Dr. Syafri-  
zal (Unand) dan Dr. Fajri  
Adrianto (Unand).

“Antara mereka yang turut menyertai persidangan berkenaan ialah Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan Prof Madya dr Raman Noordin, Timbalan Dekan (Kewangan) Fakulti Ekonomi Universitas Andalas Dr. Masyhuri Hamidi, serta beberapa pensyarah dari Unand,” katanya dalam satu kenyataan di sini kelmarin.

Persidangan itu turut dihadiri seramai lebih daripada 70 peserta dan dirasmikan oleh Dekan Fakulti Ekonomi Universitas Andalas Dr. Harif Amali Rivai.